



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **25 Mar 2021 (Khamis)**

#### **Berita Harian**

50 peratus Sungai Klang sudah bersih	1
Petaling, Shah Alam, Klang alami gangguan bekalan air 30 Mac	2

#### **Utusan Malaysia**

PELAJAR Universiti Tun Hussein Onn	3
ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK:	4
Gangguan bekalan air libat 30 kawasan di Selangor	5
Selangor tawar 14,000 tapak bazar Ramadan	6

#### **Harian Metro**

400,000 daftar vaksin di Selangor	7
-----------------------------------	---

#### **Kosmo**

Amirudin, Khairy bincang kaedah terbaik daftar vaksin	8
88 kawasan alami gangguan bekalan air	9

#### **Sinar Harian**

Promosi PKNS PLUS dua hari	10
KSSB terap budaya kerja berintegriti	11
30 kilang akan diroboh	12
Gangguan bekalan air sehingga 68 jam	13
Selesai isu kalimah ALLAH secara menyeluruh	14
Gloria Jean's Coffees buka cawangan ke - 44	15

#### **Bernama Radio 24**

MB Selangor mahu usaha masyarakat menggalakkan pendaftaran diperhebatkan	16
--	----

#### **RTM1**

Selangor XTIV Virtual 2021 Tawar Hadiah Lebih RM400,000	17
---	----

#### **The Star**

Planned Klang Valley water cuts this month and in April	18
COUNCIL MATTERS	19
RAMADAN BAZAARS	20
Kajang council sets ceiling price for Ramadan bazaar lots	21
Residents can grow plants outside homes	22
Vaccination certs secured by blockchain technology	23

#### **The Sun**

Selangor expects better times after May	24
Scheduled works and water supply disruptions	25
When taps run dry	26

#### **The Edge CEO Morning Brief**

Gamuda seeks trading suspension pending announcement	27
--	----

#### **China Press**

Transformation of Klang River into maritime economic zone, MB: Expects a RM1 billion return on investment	28
---	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Registration must be made through "Selangkah", community screening in Balakong the day after tomorrow	29
Selangor 288 Ahli Majlis set up counter to encourage people to register for vaccination	30
Denies receiving RM1.7 billion from Goldman Sachs settlement case, lawyer sued Lokman for defamation	31
Noraini: Although planting is prohibited outside the home, no complaints from neighbors, MBSJ will not eradicate	32
Approved by the Cabinet, becoming the 7th in Selangor, Daerah Hulu Selangor upgraded to City Council	33
Foreign worker diagnosed with Covid-19, disinfection at Kajang plastic factory	34
MPKJ to Taming Jaya Industry Park, factory received fine ticket for dumping black oil	35
Still charged with the crime of unnatural sex, Muslim defendant filed an application for judicial review	36
<b>Sin Chew Daily</b>	
LUAS suggests Selayang apartment adding water pump and water sink to prevent from water cuts	37
Selangor MB: Patrols were stepped up in the first three months of this year, Selangor have stop 9 river pollution cases	38
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
Suspected muddy waste pollution caused death, 15 Shellfish farms lose RM700,000	39
<b>Guang Ming Daily</b>	
Selangor launches SMG, expecting to attract RM1b within 10 years	40
Selangor stopped 9 water treatment plant pollution incidents over first 3 months of 2021	41



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 March 2021

Akbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	50 peratus Sungai Klang sudah bersih
Muka Surat	:	22

# 50 peratus Sungai Klang sudah bersih

Pembersihan dari kompleks beli-belah Mid Valley hingga ke Pelabuhan Klang

Oleh Ruwaida Md Zain  
 bhnews@bh.com.my

**Klang:** Lebih 50 peratus jajaran Sungai Klang daripada keseluruhan 56 kilometer dari bahagian hulu di kompleks beli-belah Mid Valley di Kuala Lumpur hingga muara sungai di Pelabuhan Klang, sudah dibersihkan termasuk melalui penggunaan jentera 'Interceptor 002' hasil teknologi Jerman bagi mengutip sampah dari dalam sungai.

Jentera berkenaan mula beroperasi di Sungai Klang sejak Ogos lalu melalui inisiatif *The Ocean Cleanup* di bawah projek Gerbang Maritim Selangor (SMG) seliaan Landasan Lumayan Sdn Bhd

(LLSB). Empat teras utama inisiatif itu adalah pembersihan sungai, ketersambungan sungai, pembangunan dan pemuliharaan sungai yang disasarkan siap menjelang 2030.

Pengarah Urusan LLSB, Syaiful Azmen Nordin, berkata Sungai Klang melalui kawasan dengan kepadatan penduduk yang tinggi selain mempunyai potensi pembangunan baharu yang cukup besar untuk jangka panjang.

"Di muara sungai ini, potensi pelancongan memang besar dengan sungai yang cantik, lebar, asli, malah bot boleh melaluinya seperti *river cruise*, *houseboat*, banyak aktiviti komersial dan perniagaan yang boleh dibuat sepan-



Amirudin (dua dari kanan) diiringi Syaiful Azmen (kiri) meninjau sekitar kemudahan awam ketika melawat Taman Awam Pangkalan Batu, Klang. (Foto Faiz Anuar/BH)

jang Sungai Klang ini.

"Pembangunan ini bukan sahaja tertumpu di Klang, tetapi juga di Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya kerana Sungai Klang melalui empat bandar utama serta kawasan penting sebab itu program pembersihan berterusan. Sampah dikutip di sepanjang Sungai Klang menurun banyak dari semasa ke semasa, membuktikan proses pembersihan di tahap lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau dan menyelusuri sungai itu serta melawat Taman Awam Pangkalan Batu bersama Menteri Besar, Datuk Seri Ami-

rudin Shari di sini, kelmarin. Taman Awam Pangkalan Batu adalah antara projek pemangkin di bawah SMG.

Syaiful Azmen berkata, taman itu sudah menjalani kerja-kerja menaik taraf yang besar di bawah inisiatif SMG bagi mewujudkan ruang komunal yang lebih terbuka meliputi kawasan seluas 13,000 meter persegi.

"Ini termasuk sebuah taman permainan interaktif bertema kanak-kanak, serta sebuah pusat Pendidikan Tanah Basah (Educational Wetland) yang khusus bagi menunjukkan bagaimana air sungai boleh di-

pulih secara semula jadi dan organik.

"Jeti Pangkalan Batu yang bersejarah juga dinaik taraf sepenuhnya dengan laluan terapung yang boleh berubah mengikut pasang surut Sungai Klang. Jeti ini akan menjadi stesen utama perkhidmatan Teksi Sungai SMG," katanya.

Beliau berkata, beberapa pelancongan melalui projek SMG dengan pelancaran perkhidmatan Teksi Sungai SMG akan bermula tidak lama lagi, diikuti pembukaan 'Mangrove Point' iaitu taman alam semula jadi pertama di Malaysia yang mempromosikan pendekatan biofilik, pada hujung tahun ini.



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Petaling, Shah Alam, Klang alami gangguan bekalan air 30 Mac
Muka Surat	:	22

# Petaling, Shah Alam, Klang alami gangguan bekalan air 30 Mac

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 30 kawasan di Petaling, Shah Alam dan Klang akan mengalami gangguan bekalan air selama 48 jam mulai 30 Mac ini berikutan kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu.

Ketua Komunikasi Korporat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata kerja terbabit dilaksanakan di kawasan berdekatan kilang Carlsberg di Persiaran Selangor Seksyen 15, Shah Alam.

“Ia akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di lima kawasan di Petaling, 14 kawasan di Klang dan 11 kawasan di Shah Alam bermula jam 9 pagi, 30 Mac ini. Bekalan air dijangka pulih sepenuhnya pada jam 9 pagi 1 April 2021,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, kerja penggantian injap di jajaran paip air mentah dari Empangan Klang Gates akan dilaksanakan pada 6 April, dari jam 9 pagi hingga 9 malam dan bakal menyebabkan 12 kawasan di

Gombak dan 46 kawasan di Kuala Lumpur, mengalami gangguan bekalan air berjadual sebelum dijangka pulih sepenuhnya pada jam 5 pagi, 9 April.

“Tempoh gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan terjejas berbeza, bergantung kepada kuantiti bekalan air, jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem aghihan,” katanya.

Beliau berkata Air Selangor juga dalam perancangan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan aset utama di LRA Cheras Batu 11 pada 15 Jun, LRA Sungai Langat (6 Julai) dan

 **Bekalan air  
dijangka  
pulih sepenuhnya  
pada jam 9 pagi  
1 April 2021.**

**Elina Baseri,**  
Ketua Komunikasi  
Korporat, Pengurusan Air  
Selangor Sdn Bhd

LRA Sungai Selangor Fasa 1 (5 Oktober).

Katanya, pelaksanaan kerja berkenaan mengambil kira pelbagai faktor sebelum dilakukan, antaranya mengelak tarikh pemeriksaan utama sekolah kerajaan dan tarikh ketika berlangsung acara penting peringkat antarabangsa, nasional atau negeri.

“Pelaksanaan kerja berjadual ini dilaksanakan bagi membolehkan aset utama dan sistem pengagihan bekalan air berada pada tahap yang baik. Penambahbaikan infrastruktur paip ini juga sebahagian usaha Air Selangor dalam meningkatkan mutu perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan pengguna pada masa hadapan,” katanya.

Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh layari laman sesawang Air Selangor di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau rujuk saluran komunikasi rasmi Air Selangor seperti aplikasi mereka, laman Facebook, Instagram, Twitter atau hubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	PELAJAR Universiti Tun Hussein Onn
Muka Surat	:	5



**PELAJAR** Universiti Tun Hussein Onn beratur untuk menaiki bas yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk pulang ke kampus di Johor di Perhentian Bas Seksyen 17 Shah Alam, semalam. MBSA menyediakan bas bagi membantu mengurangkan beban kewangan para pelajar. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK:
Muka Surat	:	7

**ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK:**

**25 Mac 1977**

Kerajaan Selangor  
membina sebuah  
empangan bernilai  
RM32 juta dalam  
hutan rimba di  
kawasan Kuala  
Pansun, Hulu Langat.



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air libat 30 kawasan di Selangor
Muka Surat	:	8

## Gangguan bekalan air libat 30 kawasan di Selangor

**SHAH ALAM:** Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memaklumkan 30 kawasan di tiga wilayah iaitu Petaling, Klang dan Shah Alam mengalami gangguan bekalan air selama 48 jam bermula 30 Mac ini.

Gangguan air itu susulan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan aset utama secara berjadual berdasarkan kelulusan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Air Selangor dalam kenyataannya memaklumkan, gangguan air bermula pukul 9 pagi sehingga 9 malam pada 1 April.

Menurutnya, kerja-kerja melibatkan pengalihan dan penyambungan paip baharu di Persiaran Selangor Seksyen 15 di sini.

“Malah, gangguan air selama 68 jam dijadualkan berlaku di Wilayah Gombak dan Kuala Lumpur membabitkan 58 kawasan.

“Ini adalah susulan kerja-kerja penggantian injap di jajaran

paip air mentah dari Empangan Klang Gates yang menyebabkan henti tugas sementara Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Nanas dan Wangsa Maju.

“Gangguan air dijadualkan berlaku pada 6 April bermula pukul 9 pagi hingga pukul 9 malam dan dijangka pulih sepenuhnya pada 9 April,” kata kenyataan tersebut.

Dalam perkembangan lain, Air Selangor juga dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan aset-aset utama di beberapa LRA iaitu di LRA Cheras Batu 11 pada 15 Jun, LRA Sungai Langat pada 6 Julai, dan LRA Sungai Selangor Fasa 1 pada 5 Oktober yang dijadualkan dalam tahun ini.

“Air Selangor akan memaklumkan senarai kawasan-kawasan yang terlibat dan jadual pemulihan bekalan air dengan lebih terperinci setelah kelulusan SPAN diperolehi,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor tawar 14,000 tapak bazar Ramadan
Muka Surat	:	32

### Selangor tawar 14,000 tapak bazar Ramadan

**SHAH ALAM:** Kerajaan negeri menawarkan kira-kira 14,000 tapak bazar Ramadan di seluruh negeri pada tahun ini.

Bagaimana pun, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan & Kesejahteraan Bandar serta Pembangunan Usahawan, **Rodziah Ismail** berkata, jumlah tersebut kurang berbanding tahun-tahun sebelum itu.

"Ini kerana bazar Ramadan perlu dikendalikan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Namun, saya telah minta semua majlis daerah untuk meneliti semula sama ada boleh membenarkan lebih ramai peniaga berniaga di bazar Ramadan yang ditetapkan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada majlis Pergerakan Pulang Pelajar Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) di Terminal Bas Shah Alam di sini yang turut dihadiri, Pemangku Datuk Bandar Shah Alam, Mohd. Rashidi Ruslan.

Dalam pada itu, Rodziah berkata, anggota penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) akan ditempatkan di setiap bazar bagi memastikan peniaga dan pembeli mematuhi peraturan.

"Bagi mengurangkan risiko penyebaran virus Covid-19, pihaknya meminta peniaga menjalankan urusan jual beli secara dalam talian.

"Kita cuba meminimumkan sentuhan sesama jual beli dan peniaga boleh mendapatkan kod untuk mengakses e-Wallet semasa memohon permit bazar," katanya.

Sementara itu, **Mohd. Rashidi** berkata, sebanyak 1,100 tapak bazar Ramadan yang ditawarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tahun ini berbanding 1,618 tapak pada tahun lalu.

Jelasnya, setakat ini, 800 tapak telah dimiliki manakala kira-kira 300 tapak masih boleh dipohon.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	400,000 daftar vaksin di Selangor
Muka Surat	:	10

**RINGKAS**

**400,000 daftar vaksin di Selangor**

**Shah Alam:** Hanya kira-kira 400,000 daripada 6.4 juta penduduk Selangor mendaftar bagi pengambilan vaksin Covid-19 setakat ini.

Susulan itu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mahu usaha menggalakkan masyarakat di negeri ini mendaftar pengambilan vaksin Covid-19 diperhebatkan.

Beliau memaklumkan akan bermesyuarat dengan Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin hari ini.

“Di Selangor kita ada 6.4 juta rakyat dan kira-kira sejuta warga asing, namun yang berdaftar hanya 400,000 orang sahaja.

“Pendaftaran mereka ini sangat perlu, semua pihak tidak kira (siapa) harus didaftarkan untuk mendapat giliran mengambil vaksin,” katanya semalam.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang dilancarkan pada 24 Februari lalu menyasarkan memberi vaksin Covid-19 kepada 80 peratus penduduk menjelang awal tahun depan.



## KERATAN AKHBAR 25 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Amirudin, Khairy bincang kaedah terbaik daftar vaksin
Muka Surat	:	5



**AMIRUDIN (kanan) sedang melakukan gimik perasmian Kafe Gloria Jeans di Shah Alam semalam.**

# Amirudin, Khairy bincang kaedah terbaik daftar vaksin

**SHAH ALAM** – Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari akan berbincang dengan Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar hari ini, dalam mencari kaedah pendaftaran terbaik bagi proses pemberian vaksin kepada rakyat negeri ini termasuk warga emas.

Amirudin berkata, perbincangan itu akan dilakukan di pejabatnya susulan setakat ini hanya kira-kira 1.4 juta sahaja berdaftar berbanding jumlah keseluruhan rakyat Selangor seramai 6.4 juta.

“Esok (hari ini) saya akan bermesyuarat dengan Khairy Jamaluddin. Kita di negeri Selangor ada perancangan menggerakkan jentera pentadbiran untuk mendaftarkan warga kita un-

tuk program imunisasi.

“Jumlah yang mendaftar program imunisasi agak kecil iaitu kira-kira 1.3 hingga 1.4 juta berbanding 6.4 juta rakyat Selangor. Manakala warga asing seperti pembantu rumah terdapat 700,000 dan hanya 400,000 sahaja berdaftar,” katanya selepas merasmikan Kafe Gloria Jeans di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kaedah terbaik untuk mendaftarkan warga emas dan warga Selangor untuk PICK agar tiada yang tercicir.

Ujar beliau, pihaknya telah menjalankan pelbagai langkah memudahkan urusan pendaftaran PICK kepada warga emas khususnya termasuk dari rumah ke rumah serta membuka kaunter di pasar malam di serata negeri.



## KERATAN AKHBAR 25 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	88 kawasan alami gangguan bekalan air
Muka Surat	:	6

Kerja-kerja senggara aset utama bermula 30 Mac

# 88 kawasan alami gangguan bekalan air

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

**SHAH ALAM** – Sebanyak 88 kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur akan mengalami gangguan bekalan air berjadual secara berperingkat bermula 30 Mac depan.

Syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) berkata, gangguan itu susulan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan aset utama secara berjadual berdasarkan kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Katanya, gangguan pertama selama 48 jam bermula pukul 9 pagi pada 30 Mac depan melibatkan 30 kawasan iaitu masing-masing 14 kawasan di Klang, Shah Alam (11) dan Petaling (5) ekoran kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu di Persiaran Selangor Seksyen 15, di sini.

"Seterusnya, memabitkan 58 kawasan iaitu 46 di Kuala Lumpur dan Gombak (12) dengan gangguan air disebabkan kerja-kerja penggantian injap di jajaran paip air mentah dari Empangan Klang Gates yang akan dilaksanakan bermula pukul 9 pagi hingga 9 malam pada 6 April.

"Kerja-kerja ini akan menyebabkan henti tugas sementara Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Nanas dan Wangsa Maju," katanya dalam kenyataan di sini semalam. Air Selangor turut memak-



**PENDUDUK di 88 kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur akan mengalami gangguan bekalan air bermula 30 Mac ini.** – GAMBAR HIASAN

lumkan pihaknya juga dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan aset-aset utama di beberapa LRA iaitu LRA Cheras Batu 11, LRA Sungai Langat dan LRA Sungai Selangor Fasa 1 antara 15 Jun, 6 Julai dan 5 Oktober depan.

"Walau bagaimanapun, pelaksanaan kerja-kerja berjadual ini tertakluk kepada kelulusan daripada SPAN. Air Selangor akan memaklumkan senarai kawasan-kawasan yang terlibat dan jadual

pemulihan bekalan air dengan lebih terperinci setelah kelulusan SPAN diperolehi," jelasnya.

Sehubungan itu, Air Selangor menasihatkan para pengguna untuk menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemat sepanjang tempoh ini.

Orang ramai boleh melayari laman web Air Selangor di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau Aplikasi Air Selangor berhubung senarai kawasan gangguan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Promosi PKNS PLUS dua hari
Muka Surat	:	11

## Promosi PKNS PLUS dua hari

Produk baharu bakal  
lonjak prestasi PKNS

### SHAH ALAM

**P**erbadanan Kema-  
juaan Negeri Selangor  
(PKNS) akan melancarkan kempen "PKNS PLUS", program jualan hartanah terbaru daripada PKNS bagi menarik pembeli hartanah pada 27 dan 28 Mac, di Galeri Jualan PKNS terpilih bagi setiap wilayah.

Dengan tema 'Tambah Ganjaran, Tambah Senyuman', promosi kali ini akan dijalankan secara serentak di tiga lokasi berbeza iaitu di Galeri Jualan PKNS Kota Puteri, Galeri Jualan Kompleks PKNS Shah Alam dan Rumah Contoh Residensi Aurora, Selangor Cyber Valley bermula dari jam 10 pagi hingga 3 petang. Menariknya, PKNS



Pakej istimewa untuk projek rumah teres dua tingkat di Kota Puteri, Residensi Aurora di Selangor Cyber Valley dan rumah banglo eksklusif Hijauan Enklaf di Alam Nusantara.

menawarkan pelbagai promosi dan pakej istimewa untuk projek-projek terpilih yang berkualiti tinggi seperti rumah teres dua tingkat di Kota Puteri, Residensi Aurora di Selangor Cyber Valley dan rumah banglo eksklusif Hijauan Enklaf di Alam Nusantara.

Kesemua bakal pembeli hartanah PKNS akan menikmati diskaun sehingga 20%, lambakan pakej menarik antaranya percuma yuran guaman SPA dan duti setem MOT serta pakej hiasan dalaman di samping jangkaan pulangan pelaburan yang tinggi di masa akan

datang menerusi pemilihan hartanah PKNS yang selesa dan luas.

Serendah harga RM 350,000, hampir kesemua kediaman PKNS ini telah siap untuk diduduki dan merupakan pilihan yang terbaik untuk semua pelanggan kami terutamanya

**K**esemua bakal pembeli hartanah PKNS akan menikmati diskaun sehingga 20%, lambakan pakej menarik antaranya percuma yuran guaman SPA dan duti setem MOT serta pakej hiasan dalaman.

bagi mereka yang baru sahaja berkeluarga.

Untuk maklumat lanjut hubungi talian PKNS X Line 03-5022 0188 (Kota Puteri), 03 - 5022 0189 (Alam Nusantara) dan 03-5022 0187 (Selangor Cyber Valley) atau layari [www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com) dan Facebook PKNS Property.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	KSSB terap budaya kerja berintegriti
Muka Surat	:	14



## KSSB terap budaya kerja berintegriti

Laksana kempen Anti Rasuah kepada warga kerja baharu syarikat berkenaan

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

**SHAH ALAM**

**K**umpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) memberikan kesedaran mengenai bahaya rasuah kepada kakitangannya bagi memastikan mereka akan terus berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ketua Jabatan Tadbir Urus dan Integriti KSSB, Syahrul Badri Ismail berkata, warga kerja syarikat itu sentiasa diterapkan dengan mengamalkan budaya kerja berintegriti.

Menurutnya, ia selaras dengan nilai bersama KSSB yang pertama iaitu berintegriti.

"Ia dapat dilihat melalui budaya yang diamalkan oleh KSSB. Setiap kakitangan baharu yang memulakan tugas di KSSB wajib mengikuti sesi taklimat Piagam Liabiliti Korporat dan menyempurnakan ikrar Akujanji Anti Korupsi.

"Saya berharap mereka sentiasa memahami pengertian rasuah dan pemberian maklumat/whistleblowing. Mereka perlu tahu apa yang boleh dilakukan apabila berhadapan dengan rasuah dan salah laku semasa menjalankan kerja seharian," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Ikrar Akujanji Anti Korupsi



Kakitangan baharu KSSB wajib menyempurnakan Ikrar Akujanji Anti Korupul.

oleh kakitangan baharu KSSB yang diadakan baru-baru ini.

Syahrul Badri berkata, KSSB melalui Jabatan Tadbir Urus dan Integriti telah melancarkan kempen Anti Rasuah sejak tahun 2015 kepada warga kerja syarikat itu.

"Menerusi kempen ini, KSSB menerapkan nilai-nilai integriti melalui saluran emel dan aplikasi WhatsApp yang disediakan oleh syarikat.

"Perkongsian nilai-nilai integriti ini disampaikan pada setiap minggu kepada warga kerja KSSB untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai integriti, rasuah dan pemberian maklumat," kata beliau lagi.

Dalam pada itu, Syahrul Badri menegaskan bahawa usaha untuk membanteras rasuah memerlukan penglibatan daripada semua pihak.

"Nilai amanah dan integriti dalam kalangan masyarakat harus ditanam sejak awal persekolahan bagi melahirkan generasi bebas rasuah," katanya.

**Saya berharap mereka sentiasa memahami pengertian rasuah dan pemberian maklumat/whistleblowing. Mereka perlu tahu apa yang boleh dilakukan apabila berhadapan dengan rasuah dan salah laku semasa menjalankan kerja seharian."**



**SYAHRUL BADRI**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	30 kilang akan diroboh
Muka Surat	:	22

## 30 kilang akan diroboh

Tindakan untuk elak insiden pencemaran sungai berulang

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

**SHAH ALAM**

**K**erajaan Selangor akan meneruskan

operasi perobohan kilang yang menyebabkan pencemaran sungai di negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, berdasarkan laporan diterima, terdapat lebih 30 kilang di sekitar Sungai Langat dan Sungai Semenyih yang dikenal pasti berisiko menyebabkan pencemaran berkenaan.

Beliau berkata, tindakan perobohan ke atas premis terlibat bakal dilaksanakan sege-

ra bagi mengelakkan insiden pencemaran sungai berulang.

"Sebelum ini, tindakan sama telah dikenakan ke atas lapan buah kilang di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang selepas didapati menyebabkan pencemaran sumber air.

"Kerajaan negeri telah melaksanakan proses pemutihan kilang haram dan sudah sam-

pai masanya untuk kita ambil tindakan tegas berhubung perkara ini," katanya kepada pemberita selepas pe-

lancaran pembukaan cawangan Gloria Jean's Coffees di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) di sini pada Rabu.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, untuk tempoh tiga bulan pertama tahun ini, sebanyak sembilan kes yang berisiko menyebabkan pencemaran sungai dan henti tugas loji rawatan air berjaya dielakkan.

Katanya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah



Amirudin (tiga dari kiri) menyempurnakan pelancaran pembukaan cawangan Gloria Jean's Coffees di Bangunan SSAAS, Shah Alam pada Rabu.

melakukan pengesanan awal berhubung kes itu dan menghalang pencemaran daripada berlaku.

"Kerajaan negeri menyedari masalah ini berterusan bukan hanya disebabkan kilang haram, malah kilang yang sah juga terlibat dalam pencemaran ini.

"Malah, ada juga kes pen-

cemaran berlaku disebabkan kelemahan sistem kumbahan, kecuaiannya serta tindakan yang disengajakan oleh pihak tertentu," katanya.

Tambahnya, kerajaan Selangor turut melakukan beberapa usaha sebelum ini dalam memastikan isu pencemaran sungai tidak lagi berulang sehingga mengundang kesukaran

buat orang ramai.

"Pertamanya, kita sudah menguatkuasakan undang-undang dengan pindaan enakmen LUAS yang mengenakan hukuman penjara mandatori kepada pesalah.

"Kita juga teruskan rondaan 24 jam dengan menambah pegawai peronda bagi mengatasi permasalahan ini," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air sehingga 68 jam
Muka Surat	:	22

# Gangguan bekalan air sehingga 68 jam

**SHAH ALAM** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan melaksanakan kerja penyelenggaraan aset utama secara berjadual berdasarkan kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Air Selangor menerusi Facebooknya memaklumkan, ia melibatkan kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu di Persiaran Selangor, Seksyen 15 di sini yang bakal menyebabkan gangguan bekalan air selama 48 jam.

“Sebanyak lima kawasan di daerah Petaling dan 14 kawasan di Klang serta 11 kawasan di Shah Alam akan mengalami gangguan air pada 30 Mac bermula jam 9 pagi.

“Kerja-kerja ini akan dijalankan pada 30 Mac dan bekalan air dijangka pulih sepenuhnya pada 1 April,” kata kenyataan itu pada Rabu.

Air Selangor memaklumkan, gangguan bekalan air turut dijadualkan berlaku di 12 kawasan di Gombak dan 46 kawasan di Kuala Lumpur selama 68 jam.

“Ia susulan kerja penggantian injap di jajaran paip air mentah dari Empangan Klang Gates dan menyebabkan henti tugas sementara Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Nanas dan Wangsa Maju pada 6 April.

“Kerja-kerja penggantian injap ini akan dilaksanakan bermula jam 9 pagi hingga 9 malam.

“Bekalan air dijangka pulih sepenuhnya



nya pada 9 April 2021, jam 5 pagi,” katanya.

Selain itu, Air Selangor juga merancang untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan aset-aset utama di beberapa loji rawatan air iaitu LRA Cheras Batu 11 pada 15 Jun 2021, LRA Sungai Langat ( 6 Julai) dan LRA Sungai Selangor Fasa 1 pada (5 Oktober).

“Bagaimanapun, pelaksanaan kerja-kerja berjadual tersebut tertakluk kepada kelulusan SPAN.

“Air Selangor akan memaklumkan senarai kawasan yang terlibat dan jadual pemulihan bekalan air dengan lebih terperinci setelah kelulusan SPAN diperolehi,” katanya.

Pengguna boleh melayari laman web [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau aplikasi Air Selangor untuk maklumat lanjut.



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selesai isu kalimah ALLAH secara menyeluruh
Muka Surat	:	22

## Selesai isu kalimah ALLAH secara menyeluruh

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor berharap isu kalimah ALLAH dalam Bible (terjemahan bahasa Melayu) dapat diselesaikan secara menyeluruh dan mencegah daripada kesangsian seperti konsep 'jamie' manie'.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad

Mughni berkata, penegasan kerajaan itu adalah selari dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Selasa.

Menurutnya dalam satu kenyataan pada Rabu, kalimah atau perkataan ALLAH bukan nama am yang boleh digunakan oleh sesiapa sahaja kerana mempunyai makna dan definisi tersendiri.

"Kalimah ALLAH bukan kata umum tanpa makna kerana jika diberi makna selain definisinya akan menimbulkan kekacauan semantik yang serius.

"Bagi Melayu-Muslim, khususnya di Selangor, sejak mula kalimah ALLAH digunakan, ia sudah tersedia padu dengan definisi yang mantap dan muktamad," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mohd Zawawi berkata, kerajaan



**MOHD ZAWAWI**

negeri bersetuju dengan titah Sultan Sharafuddin dan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang meminta kerajaan Persekutuan meneruskan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu.

Ujarnya, kerajaan negeri turut menyokong penuh titah baginda supaya

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memohon kepada mahkamah sebagai pihak pencelah dalam rayuan tersebut.

"Semoga langkah MAIS akan dituruti oleh Majlis Agama Islam negeri lain bagi memelihara kemuliaan kalimah ALLAH dan kesucian agama Islam," katanya.

Pada Selasa, Sultan Sharafuddin menegaskan bahawa sebarang penggunaan kalimah ALLAH dalam Bible terjemahan bahasa Melayu atau penerbitan tulisan agama Kristian adalah dilarang di negeri ini.

Baginda mengulangi pendirian berkenaan kerana kalimah ALLAH adalah sesuatu yang suci bagi umat Islam dan hanya boleh digunakan merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa yang mempunyai sifat-sifat kesempurnaan.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 25 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Gloria Jean's Coffees buka cawangan ke - 44
Muka Surat	:	30



Amirudin (tengah) cuba menyediakan kopi selepas majlis pelancaran pembukaan Gloria Jean's Coffees di Bangunan SSAAS, Shah Alam pada Rabu.

### Gloria Jean's Coffees buka cawangan ke-44

**SHAH ALAM** - Gloria Jean's Coffees mengembangkan lagi rangkaian perusahaannya di negara ini melalui pembukaan cawangan ke-44 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) di sini.

Perasmian pembukaan itu disempurnakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dalam majlis yang berlangsung pada Rabu.

Menurut Amirudin, pembukaan Gloria Jean's Coffees itu amat bertepatan memandangkan Bangunan SSAAS turut dikunjungi orang ramai dengan pelbagai urusan masing-masing.

"Pembukaan kafe seperti ini sudah dilakukan di beberapa bangunan kerajaan dan kerajaan negeri sebelum ini.

"Malah Gloria Jean's Coffees merupakan satu jenama yang menawar-

kan sistem francais di negara ini bagi menggalakkan masyarakat untuk mencuburi bidang keusahawanan," katanya.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Nor Azmie Diron dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Mohd Hilaluddin Abd Shukor.

Sementara itu, Mohd Hilaluddin berkata, pelancaran berkenaan merupakan pembukaan cawangan mereka yang ketiga bagi tahun ini.

Katanya, PNS mempunyai sasaran untuk membuka sebanyak 75 cawangan Gloria Jean's Coffees di negara ini menjelang tahun 2027.

"Kita cuba untuk mencapai sasaran ini bagi menepati terma-terma sebagai francais induk," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**24 March 2021**

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	MB Selangor mahu usaha masyarakat menggalakkan pendaftaran diperhebatkan
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**24 March 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Selangor XTIV Virtual 2021 Tawar Hadiah Lebih RM400,000
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 March 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Planned Klang Valley water cuts this month and in April
Muka Surat	:	2

## Planned Klang Valley water cuts this month and in April

**KUALA LUMPUR:** Residents and business proprietors in the Petaling and Klang districts as well as Shah Alam municipality have been asked to prepare for two days of water disruption starting March 30.

The disruption – scheduled to take place from 9am to 9pm daily – would affect five areas in Petaling, 14 in Klang and 11 in Shah Alam, said Pengurusan Air Selangor Sdn

Bhd (Air Selangor).

It said the disruption was to facilitate work to remove and replace an old pipe in Persiaran Selangor Section 15 in Shah Alam.

“Supply is expected to resume fully at 9am on April 1,” it said in a statement on its Facebook page yesterday.

The concessionaire also announced a planned disruption in 12 areas in the Gombak district and

46 areas in Kuala Lumpur starting April 6.

The disruption, scheduled to last 68 hours from 9am to 9pm daily, is to facilitate replacement of a valve for raw water from the Klang Gates dam.

“This will cause a temporary stoppage of the Bukit Nanas and Wangsa Maju water treatment plants.

“Water supply is expected to

resume fully at 5am on April 9,” said Air Selangor.

Separately, it added that it was planning to conduct maintenance of its main assets at a few of its treatment plants.

Among the plants involved are Air Cheras Batu 11 on June 15, Sungai Langat on July 6 and Sungai Selangor Phase 1 on Oct 5.

“However, these scheduled works are subject to approval from

the National Water Services Commission (SPAN).

“Air Selangor will provide the lists of areas to be involved and the supply resumption times after we obtain approval from SPAN,” it said.

The concessionaire reminded the public to store up water during these periods.

For details, visit [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) or use the Air Selangor app.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	3

## **COUNCIL MATTERS**

> Selayang Municipal Council (MPS) is drafting its 2022 budget. Ratepayers are invited to give their feedback until April 9 by filling in a questionnaire at <https://forms.gle/yXfh-9DRFQA6LbLTt6>

> Ratepayers under Subang Jaya City Council can pay traffic compounds online at <https://ezy.mbsj.gov.my>. For details, call 03-8024 7700.

> Kuala Lumpur City Hall is offering a 50% discount until March 31 on monthly rental of all residential units, grocery shops and convenience stores at its people's housing and public housing projects. For details, call 03-2617 6148 / 6151 or WhatsApp 019-326 5332.

> Ampang Jaya Municipal Council has extended the deadline for online business licence renewal to March 31. Business owners can renew their licences at [icomm.mpaj.gov.my](http://icomm.mpaj.gov.my). For details, call 03-4285 7324.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	RAMADAN BAZAARS
Muka Surat	:	3

## **RAMADAN BAZAARS**

- > Online applications for Ramadan bazaar lots under Shah Alam City Council at <https://bazar.mbsa.gov.my> will close tomorrow. Permits will be given from April 5 to 8 at Dewan Jenjarum in Section 11 to successful applicants.
- > Online applications for permits under Kuala Langat Municipal Council at <https://etaksiran.mdkl.gov.my> will close on March 30. For details, call the Licensing Department at 03-3187 2825 ext 161/136.
- > Sepang Municipal Council is accepting online applications at [ebazar.mpsepang.gov.my](http://ebazar.mpsepang.gov.my) until tomorrow. For details, call the Licensing Department at 03-8319 0256.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>25 March 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Kajang council sets ceiling price for Ramadan bazaar lots
Muka Surat	:	4

# Kajang council sets ceiling price for Ramadan bazaar lots

**By GRACE CHEN**

gracechen@thestar.com.my

THE Kajang Municipal Council (MPKj) is setting a ceiling for the rental of trading lots at Ramadan bazaars.

Its president Datuk Zulkefli Khalid said the move was to deter the organisers from taking advantage of the conditional movement control order to make profits.

He was disappointed that some organisers had in the past charged traders as high as RM1,000 per lot.

“Not only are such actions against the spirit of goodwill during the holy month, but will most likely cause desperate traders to do business illegally by the roadside or in locations where the standard operating procedure cannot be effectively implemented,” Zulkefli said at the council’s full board meeting.

